

**PENERANGAN MENGENAI INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI  
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2022**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Sembilan. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri; Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri; dan empat pengauditan pematuhan di agensi negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 18 Ogos 2023.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Kutipan hasil pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM123.78 juta (31.1%) menjadi RM521.22 juta berbanding RM397.44 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, perbelanjaan (mengurus dan pembangunan) pada keseluruhannya menurun sebanyak RM24.82 juta (4.6%) kepada RM515.43 juta pada tahun 2022 berbanding RM540.25 juta pada tahun 2021.
- b. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2022 mencatatkan lebih sejumlah RM30.98 juta berbanding defisit pada tahun 2021 berjumlah RM100.07 juta.
- c. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 menunjukkan penurunan sebanyak RM124.69 juta atau 34.7% menjadikan baki pada tahun 2022 berjumlah RM234.37 juta berbanding RM359.06 juta pada tahun 2021. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2022 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul

Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM639.92 juta, iaitu menurun sebanyak RM93.71 juta (12.8%) berbanding RM733.63 juta pada akhir tahun 2021.

- d. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022 menurun sebanyak RM1.34 juta (3.3%) menjadi RM39.32 juta berbanding RM40.66 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM0.69 juta atau 0.1% menjadi RM926.83 juta berbanding RM927.52 juta pada tahun 2021. Pelaburan Am pada tahun 2022 dan 2021 adalah tidak berubah iaitu sebanyak RM47.72 juta.

### **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 14 agensi negeri yang terdiri daripada enam Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan tujuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b. Kesemua enam BBN dan tujuh PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Tiga daripada 14 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 31 Mac 2023. Manakala 11 Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sehingga 31 Julai 2023 daripada Pegawai Kewangan Negeri Sembilan.
- c. Setakat 31 Ogos 2023, dua penyata kewangan agensi telah disahkan, 10 penyata kewangan dalam proses memuktamadkan Sijil Ketua Audit Negara dan dua penyata kewangan masih dalam semakan Audit.
- d. Sebanyak 13 penyata kewangan tahun 2021 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan pada 25 November 2022 manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh.

### **1.4. Pematuhan Agensi Negeri**

- a. Pada tahun 2022, pengauditan pematuhan agensi telah dilaksanakan terhadap empat PBT melibatkan kutipan sewa di empat agensi iaitu Majlis

Perbandaran Port Dickson (MPPD), Majlis Daerah Tampin (MDT), Majlis Daerah Rembau (MDR) dan Majlis Daerah Jelebu (MDJ).

b. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Hasil sewa tidak dikutip mengikut surat tawaran – MPPD
- Hasil sewa tidak dapat dikenakan kepada penyewa - MPPD
- Kutipan sewa tanpa dokumen perjanjian – MDT, MDR dan MDJ
- Penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi tiga bulan tidak ditamatkan perjanjian - MDJ

2. Secara keseluruhannya, sebanyak 12 syor Audit telah diberikan oleh Ketua Audit Negara. Tiga syor kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan sembilan syor kepada agensi negeri.

